



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS ANUGERAH *FRIENDS OF YKN* 2017**

**15 JANUARI 2018 (ISNIN)**

**4.00 PETANG**

**DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1 KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh..

Salam Perkasa Wanita sempena Tahun Memperkasa Wanita 2018

**(Salutasi)**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melafazkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurniaNya dan keizinanNya dapat kita sama-sama berkumpul pada petang ini dalam Majlis Anugerah '*Friends Of YKN*' 2017.
2. Pada kesempatan ini juga masih belum terlambat untuk saya mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' kepada semua hadirin yang datang dari syarikat-syarikat korporat, agensi-agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, NGO dan Individu.
3. Semoga majlis ini mendapat keberkatan dan manfaat kerana saya percaya para hadirin yang berada dalam dewan ini hari ini adalah terdiri daripada mereka yang berjiwa besar, murni dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasar.

**MAJLIS ANUGERAH 'FRIENDS OF YKN'**

*Para hadirin sekalian yang dihormati sekalian,*

4. Buat julung kalinya YKN pada hari ini YKN mengadakan Majlis Anugerah '*Friends OF YKN*' 2017 sebagai menghargai sumbangan, sokongan, kerjasama dan komitmen berterusan oleh pihak Agensi-agensi, Syarikat Korporat, Institut Pengajian Tinggi, NGO, Bank-

bank dan Individu dalam membantu kumpulan sasar di YKN Anjung Singgah, Anjung Kasih dan YKN Dialisis.

5. Kerjasama dan sokongan yang diterima samada dalam bentuk wang tunai, barangan keperluan atau perkhidmatan secara sukarela amat kami hargai dalam membantu kumpulan sasar seperti 'rakan jalanan' di Anjung Singgah, penghuni Anjung Kasih serta pesakit-pesakit dialisis di pusat rawatan 'YKN Dialisis'.
6. Setakat ini, YKN telah berjaya mengumpulkan hasil sumbangan berjumlah RM 2.29 juta yang berupa wang tunai, dan barangan keperluan untuk Anjung Singgah, Anjung Kasih dan YKN Dialisis.
7. Syabas saya ucapkan kepada penyumbang yang berjiwa prihatin dan memberi komitmen yang tinggi terhadap kepentingan kumpulan sasar.

## **LATAR BELAKANG YKN**

*Para hadirin sekalian yang dihormati sekalian,*

8. Yayasan Kebajikan Negara atau YKN adalah merupakan sebuah badan Pemegang Amanah Kebajikan yang didaftarkan dibawah Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952, YKN telah memainkan peranan yang besar memberi sokongan yang sepenuhnya kepada KPWK. YKN telah membuktikan kesungguhan, komitmen dalam memberi perkhidmatan yang telus kepada masyarakat. YKN kini tidak terhad kepada bantuan kebajikan sahaja tapi juga memfokus kepada bantuan perkhidmatan sosial dengan penubuhan Anjung Singgah iaitu pusat

khidmat sosial bagi menangani isu 'rakan jalanan', Anjung Kasih iaitu penginapan sementara bagi keluarga menunggu pesakit di hospital dan pusat rawatan dialisis atau YKN Dialisis yang berkonsepkan '*home-based*'.

9. Setakat ini YKN telah berjaya menubuhkan 5 buah Anjung Singgah, 8 buah Anjung Kasih dan 6 buah YKN Dialisis di seluruh negara.

## **PROGRAM KERJASAMA**

*Para hadirin sekalian yang dihormati sekalian,*

10. Kerjasama dan kecemerlangan perkhidmatan YKN dalam menguruskan projek pembangunan medico-sosio ini telah berjaya menarik perhatian Tenaga Nasional Berhad. Sukacita saya umumkan satu lagi Anjung Kasih akan ditubuhkan di Hospital Serdang, Selangor hasil tajaan sepenuhnya oleh Tenaga Nasional Berhad. Syabas dan sekalung tahniah saya ucapkan kepada Tenaga Nasional Berhad.
11. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada YKN kerana dalam membangunkan Anjung Singgah, Anjung Kasih dan YKN Dialisis, YKN tidak hanya bergantung kepada kerajaan semata-mata. YKN sangat kreatif dalam mempelbagaikan perkhidmatan dan pengurusan yang cekap dan telus dalam menjalinkan hubungan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan syarikat korporat yang berminat seperti Tenaga Nasional Berhad.
12. Jalinan kolaborasi yang diamalkan oleh YKN dengan pelbagai syarikat ini dapat membangunkan komuniti setempat terutama sekali oleh mereka yang berkeperluan. Saya yakin YKN akan

menjadi transformasi sosial negara yang terbaik terutama sekali dalam membantu KPWKM menangani masalah sosial dengan bantuan tuan-tuan dan puan-puan dan sokongan syarikat-syarikat korporat, agensi, NGO, Institusi-institusi.

13. Salah satu usaha YKN menjana pendapatan adalah melalui penempatan tabung derma seluruh Malaysia di Pos Malaysia, Public Bank, Hotel-hotel terpilih terutamanya Rangkaian Hotel Seri Malaysia, restoran-restoran, kedai bunga seperti rangkaian Kedai Bunga Era Nona serta derma secara online di CIMB Click.
14. Hasil daripada usaha ini YKN telah berjaya mengumpul dana sejumlah lebih kurang RM 5 juta daripada penempatan tabung yang dimulakan sejak tahun 1999 secara berperingkat sehingga sekarang.

## **INISIATIF BARU**

*Para hadirin sekalian yang dihormati sekalian,*

15. YKN akan memperluaskan lagi skop perkhidmatan sosial dengan melaksanakan satu inisiatif baru iaitu membantu anak-anak yatim di bawah institusi JKM yang terpaksa keluar daripada Institusi tersebut apabila mencapai umur 18 tahun ke atas.
16. Mereka akan dibantu dari segi pendidikan, kebajikan dan kerjaya masa depan. Projek rintis yang pertama akan dilaksanakan di Anjung Singgah Kuching, Sarawak pada tahun ini.
17. Kini YKN meneroka satu inisiatif baru dengan mewujudkan Tabung Pendidikan atau tabung khas untuk bantuan pendidikan ke pusat

pengajian tinggi, kolej dan asrama penuh untuk anak-anak kumpulan sasar sahaja.

18. Hasil daripada tabung ini akan disalurkan untuk membiayai pendidikan anak-anak kumpulan sasar seperti anak-anak rakan jalanan yang tercicir dalam pendidikan, anak yatim piatu dan orang miskin atau daripada keluarga yang terbiar dan bermasalah. Salah satu program bantuan pendidikan ini ialah membiayai anak-anak 'rakan jalanan' yang beragama islam ke pusat tahfiz. Dalam hal ini Restoran Umai telah tampil untuk menjadi premis pertama yang memberikan hasil penempatan tabung YKN digunakan untuk membiayai pelajar tahfiz.

## ***SOSIAL ENTERPRISE***

*Para hadirin sekalian yang dihormati sekalian,*

19. Sebagai salah satu perancangan program penjanaan dana, YKN akan menjalin hubungan 'Social Enterprise' dengan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Orang Kurang Upaya (PLPP) Bangi, dan YKN akan bekerjasama dari segi penjualan alat '*prosthetic*' seperti kaki palsu untuk kegunaan kumpulan sasar. Dengan adanya jalinan "Sosial Enterprise" ini, pengeluaran alat '*prosthetic*' ini akan menjadi lebih cekap dan cepat dan bakal memberi keuntungan bersama kepada kedua-dua belah pihak seperti YKN dan PLPP serta membantu kumpulan sasar agar tidak lagi perlu menunggu lama untuk mendapatkan keperluan kaki palsu atau lain-lain lagi.

20. Berdasarkan kepada kejayaan YKN dalam membantu kumpulan sasar selama ini, YKN tidak mungkin dapat bergerak sendiri tanpa penglibatan dan sokongan pelbagai pihak kerajaan, syarikat korporat, NGO atau individu.
21. Pada hari ini atas komitmen dan penglibatan pelbagai pihak ini, YKN telah mencipta “Anugerah Friends of YKN” bagi menghargai usaha dan sokongan mereka.
22. Terlebih dahulu setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada mereka yang terpilih. In Sya Allah anugerah seperti ini akan dijadikan acara tahunan oleh YKN bagi memetik semangat dan menggalakkan lebih ramai lagi yang turut serta dalam membantu mereka yang memerlukan.
23. Tahniah kepada jawatankuasa penganjur program ini yang diketuai oleh YBhg Dato’ Zulkipli Ramli sebagai CEO YKN kerana berjaya menganjurkan Majlis Anugerah *Friends of YKN* 2017 hari ini.
24. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat korporat, agensi serta NGO dan individu yang telah berkerjasama dengan YKN dan menyokong usaha-usaha kebajikan YKN hingga berjaya.

Syabas dan Terima Kasih.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullah  
Hiwabarakatuh.